



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Penolong Pegawai Pertanian Gred G29  
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor  
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap  
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana  
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Pertanian  
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **01 Mei 2022**  
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

<b>GRED GAJI</b>	<b>MINIMUM (RM)</b>	<b>MAKSIMUM (RM)</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
<b>G29</b>	1,494.00	5,674.00	145.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Latihan Tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya. Gred G29 [ Gaji permulaan ialah pada : RM1,494.00 ]; atau
    - (ii) Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Gred G29 [ Gaji permulaan ialah pada : RM1,847.86 ].

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DESKRIPSI TUGAS**

3. Membantu merancang aktiviti-aktiviti penerangan berhubung dengan polisi projek, menghadiri ceramah, dialog, kursus/latihan, memberi taklimat dan menerbitkan risalah dan bahan terbitan berhubung dengan projek pertanian.